



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI KEDAH**

Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit  
06550 ALOR SETAR  
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000  
Faks : 04-7001011/1068/1021  
Helpdesk : 04-7352849/4012  
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/kedah>

Ruj.Kami : ANM/KD/OPS/126 Jld.10 (23)

Tarikh : 21 April 2024

**PERINGATAN 1**

**Semua Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Di bawah Seliaan  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Kedah**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERINGATAN PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI DEPOSIT BAGI BULAN  
MAC 2024**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 1 Tahun 2023 telah menggariskan dengan jelas **peraturan dan tanggungjawab PTJ** mengenai **tatacara pengurusan akaun deposit Kerajaan Persekutuan** bagi memastikan pengurusan akaun deposit kerajaan diperakaunkan dengan betul dan tepat mengikut tempoh masa yang ditetapkan. **Garis Panduan Pengurusan Akaun Deposit Terimaan** adalah seperti pada **Lampiran A, SPANM Bil. 1 Tahun 2023**.

3. Walau bagaimanapun, semakan jabatan ini mendapati Jabatan/PTJ YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan masih **belum** mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Deposit bagi bulan **Mac 2024** kepada JANM Negeri Kedah untuk semakan. Pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diingatkan bahawa Sijil Pengesahan Baki hendaklah dikemukakan ke jabatan ini **selewat-lewatnya pada 14 hari bulan pada bulan berikutnya**.

4. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi pegawai di Unit Akaun **Encik Azri bin Ahmad** di talian **04-7001000 (samb.187)**.

5. Kerjasama dan tindakan segera daripda pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/ Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"**

Saya yang menjalankan amanah,

(IZATOL AFIZAH BINTI AWALLUDIN ACMA, CGMA, C.A (M))  
**Penolong Pengarah Kanan**  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Kedah Darul Aman